



GARIS PANDUAN PEMASANGAN PAPAN DINDING PERLINDUNGAN SEMENTARA (*HOARDING*) BAGI TAPAK PEMBINAAN DIMAJLIS DAERAH LENGGONG

1. PENDAHULUAN

- 1.1. Jabatan Kejuruteraan & Bangunan MDLG telah diminta untuk menyediakan Garis Panduan Papan Dinding Perlindungan (Papan Dendeng) Tapak Pembinaan untuk diselaraskan kembali supaya memudahkan kerja pemantauan.
- 1.2. Garispanduan ini hanya melibatkan pembinaan pembangunan baru dan kerja ubahsuai.

2. PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG

- 2.1. Akta Jalan, Parit Dan Bangunan 1974 (Akta 133) Bahagian V (Bangunan) Seksyen 82 yang mengkehendaki papan dendeng dibina/didirikan dalam masa kerja-kerja bangunan dijalankan.
- 2.2. Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984 Bahagian IV (Kerja-Kerja Sementara Perhubungan Dengan Kerja-Kerja Bangunan)UUK 48 (2) & (3) yang menyatakan keperluan untuk mendirikan Pagar Dinding Pelindung (Hoarding) yang mengikut kehendak-kehendak pihak berkuasa tempatan untuk mengasingkan bangunan itu dari jalan atau lorong jalan kaki.
- 2.3. Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984 Bahagian II (Pengemukaan Pelan-Pelan Untuk Diluluskan) UUK 19 (f) yang menyatakan keperluan pihak berkuasa tempatan untuk mengeluarkan permit sementara bagi pembinaan papan dinding pelindung.
- 2.4. Akta Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (Akta 514) Bahagian IV - Kewajipan Am Majikan Dan Orang Yang Bekerja Sendiri Seksyen 15. Kewajipan am majikan dan orang yang bekerja sendiri kepada pekerja mereka.
- 2.5. Akta Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (Akta 514) Bahagian Iv - Kewajipan Am Majikan Dan Orang Yang Bekerja Sendiri Seksyen 17. Kewajipan am majikan orang yang bekerja sendiri kepada orang-orang selain daripada pekerja mereka.

3. PROSEDUR & PROSES

- 3.1. Kelulusan Kebenaran Merancang (KM) akan mensyaratkan bahawa pemohon perlu mengemukakan Pelan Papan Dinding Pelindung (Papan Dendeng) Tapak Pembinaan bersama dengan Pelan Kerja Tanahsebelum permohonan diluluskan.
- 3.2. Kebenaran Memulakan Kerja Tanah akan mensyaratkan bahawa Papan Dinding Pelindung (Papan Dendeng) Tapak Pembinaan hendaklah didirikan sebelum kerja-kerja dimulakan di tapak mengikut spesifikasi dan syarat-syarat yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan.
- 3.3. Pihak pemaju/kontraktor atau PSP yang berkenaan perlu mengemukakan surat akuan, gambar pagar perlindungan sementara (papan dendeng) tapak pembinaan yang telah didirikan sebagai bukti binaan sementara telah dijalankan.

4. GARIS PANDUAN PEMBINAAN PAPAN DINDING PELINDUNG(PAPAN DENDENG) TAPAK PEMBINAAN

Berikut adalah syarat-syarat untuk Papan Dinding Pelindung (Papan Dendeng) Tapak Pembinaan:

4.1. AM

- 4.1.1. Pembinaan sesuatu bangunan tidak boleh dimulakan sehingga Papan Dinding Pelindung (Papan Dendeng) didirikan untuk mengasingkan kawasan tapak bina.
- 4.1.2. Papan Dinding Pelindung (Papan Dendeng) hendaklah dibina sepenuhnya disekeliling/menutupi kawasan tapak bina.
- 4.1.3. Bagi Papan Dinding Pelindung (Papan Dendeng) yang berhadapan dengan jalan utama, pemaju diberi pilihan untuk menghiasi pagar dan pintu masuk dengan ilustrasi yang menarik atau sekadar papan dendeng kosong tanpa sebarang ilustrasi. Sekiranya ilustrasi dipilih, ia hendaklah terdiri daripada iklan pemaju, kontraktor atau pembangunan tersebut sahaja. Iklan yang bersifat komersil yang tidak berkenaan dengan pembangunan tersebut adalah tidak dibenarkan.

- 4.1.4. Warna Papan Dendeng yang dibenarkan adalah BIRU atau **KELABUSAHAJA**. Namun begitu, sekiranya pemaju atau PSP ingin menggunakan warna yang lain, maka hendaklah memaklumkan kepada Pihak Berkuasa Tempatan dan memastikan keseluruhan tapak bina dipasang dengan papan dendeng yang sama warnanya dan seragam.
- 4.1.5. Papan Dendeng hendaklah tidak menghalang pili bomba & alat perkhidmatan kemudahan lain yang sediada.
- 4.1.6. Kain kanvas atau plastik hendaklah direntang sekiranya Papan Dinding Pelindung (Papan Dendeng) dibuka sementara.
- 4.1.7. Kerja-kerja seperti membina 'sheetpile', longkang tepi dan sebagainya yang perlu dijalankan tanpa papan dinding pelindung (pagar dendeng) hendaklah dililitkan dengan pita amaran dengan jarak 1.0m dari kawasan kerja. Kawasan tanpa papan dinding pelindung (papan dendeng) hendaklah sentiasa diawasi oleh seorang pengawal untuk menghalang orang-orang awam daripada mencerobohi ke dalam tapak pembinaan. Papan dinding pelindung (papan dendeng) hendaklah dibina semula sebaik sahaja kerja-kerja tersebut siap dijalankan.

4.2. **PEMBINAAN**

- 4.2.1. Bagi tapak pembinaan dalam pusat Bandar/ Pekan Lenggong, ukuran tinggi minimum papan dendeng adalah 2400mm.
- 4.2.2. Bahan cladding untuk Papan Dendeng hendaklah terdiri dari 'metal decking' yang mempunyai gauge minimum 3 (tebal approx. 1.0mm).
- 4.2.3. Rangka struktur untuk Papan Dendeng hendaklah terdiri dari besi tiub minimum 50mmØ /besi kerangka ukuran minimum 50mm x 75mm/ kerangka kayu berukuran 50mm x 100 mm.
- 4.2.4. Bahagian yang mudah dilalui atau menjadi laluan orang ramai hendaklah dilengkapi dengan 'hood' menutupi laluan pejalan kaki.

5. KERJA-KERJA BINAAN YANG BERHUBUNGKAIT PAPAN DENDENG TAPAK PEMBINAAN.

5.1. PINTU KELUAR/MASUK

5.1.1. Setiap tapakbina hendaklah mempunyai pintu keluar/ masuk yang berasingan dan seboleh-bolehnya tidak bermula dari jalan utama. Kedudukan pintu keluar masuk perlu mendapatkan kelulusan Jabatan Kejuruteraan & Bangunan MD Lenggong.

5.1.2. Pintu keluar/masuk hendaklah dibina daripada bahan-bahan yang sama dengan papan dendeng.

5.1.3. Pintu keluar/masuk hendaklah sentiasa bertutup melainkan ketika operasi membawa bahan binaan ke tapak bina dan perlu dikawal oleh pengawal keselamatan/ pengawal bendera (*flagman*) pada setiap masa. • Setiap pintu keluar/masuk hendaklah dilengkapi dengan ‘hump’ setinggi sekurang-kurangnya 150mm. ‘Hump’ tersebut hendaklah dibina di sempadan tapakbina.

5.2. BESIN PENCUCI KENDERAAN (*WASH TROUGH*)

5.2.1. Jalan keluar dari tapak bina hendaklah dilengkapi dengan besin pencuci kenderaan (*Wash trough*) seperti yang diluluskan oleh Jabatan Kejuruteraan & Bangunan MD Lenggong.

5.2.2. Besin pencuci kenderaan (*Wash trough*) hendaklah dibina di dalam kawasan tapakbina pada setiap pintu keluar.

5.3. PERANGKAP KELODAK (*SILT TRAP*)

5.3.1. Perangkap kelodak sementara perlu dibina dari masa kesemasa untuk memerangkap semua pengaliran air campuran kelodak di dalam tapak kerja tanah mengikut kehendak Jabatan Kejuruteraan Dan Bangunan MD Lenggong.


5.4. JET AIR (*WATER JET*)

5.4.1. Jet air hendaklah disediakan di pintu masuk/keluar tapak bina bagi memastikan tayar kenderaan/ kenderaan benar-benar bersih supaya tidak menyebabkan jalan awam menjadi kotor.

6. MEROBOH/MEMBUKA/MEMINDAHKAN PAPAN DENDENG SETELAH KERJA SIAP

6.1. Pemaju dimestikan untuk mengubah/memindahkan/merobohkan rumah kongsi yang tidak digunakan lagi setelah projek siap dan sekiranya gagal, maka perobohan akan dilakukan oleh Majlis Daerah Lenggong dan kos pelupusan akan dikenakan.


SPEKIFIKASI PAPAN DINDING PELINDUNG MAJLIS DAERAH LENGGONG




PELAN PAPAN DENDENG

PELAN PAGAR KESELAMATAN


Bagi Papan Dendeng Yang Menghadap Laluan Orang Ramai



KERATAN SISI




TAMPAK HADAPAN



KERATAN A-A

PELAN LAKARAN (PAPAN DENDENG) TAPAK PEMBINAAN YANG BERHADAPAN DENGAN JALAN UTAMA BAGI TAPAK PEMBINAAN DI DALAM KAWASAN PEKAN LENGGONG SAHAJA (PILIHAN PEMAJU SAMA ADA PAPAN DINDING PELINDUNG BERILUSTRASI ATAU TIDAK)



8.0 Fee Bagi Menimbang Pelan, Permit DLL

i. Jadual Pertama

a. **Perkara 13. Permit Sementara :**

(g) papan dendeng atas jalan atau lorong jalan kaki berhubungan dengan kerja0kerja bangunan :- RM 3.00 bagi satu meter panjang jalan atau lorong jalan kaki bagi sebulan atau sebahagiannya.

Di dalam Mesyuarat Penyelerasan Penguatkuasaan Bangunan Dan Perniagaan tanpa Kebenarann, MD Lenggong Bil 3/2016 yang berlangsung pada 8 Julai 2016 telah memutuskan bahawa :-

Caj Permit Sementara bagi papan dendeng/hoarding adalah dikira seperti mana kehendak UKBS 1984 iaitu sebanyak RM 3.00 bagi satu meter panjang jalan atau lorong jalan kaki bagi sebulan atau sebahagiannya dan pembayaran pertama sebelum Pelan Kerja Tanah diluluskan adalah sebanyak 6 bulan pertama.

Contoh Pengiraan :-

i. Bayaran Pertama sebelum Pelan Kerja Tanah diluluskan:

RM 3.00 semeter X Jumlah panjang papan dendeng X 6 bulan.

ii. Bayaran seterusnya :

RM 3.00 semeter X Jumlah panjang papan dendeng X tiap-tiap satu bulan.